



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

**TEKS KHUTBAH**

**Tajuk :**

**JANJI YANG DIMUNGKIRI**

**Tarikh Dibaca :**

**2 RABIULAKHIR 1444H/  
28 OKTOBER 2022M**

**Disediakan oleh :**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



إِذْ بَدَأَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

## JANJI YANG DIMUNGKIRI

28 OKTOBER 2022 / 2 RABIULAKHIR 1444H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

هُوَ الَّذِي أَخْرَجَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ مِنْ دِيَارِهِمْ لِأَوَّلِ الْحَشْرِ مَا ظَنَّتُمْ أَنْ

يَخْرُجُوا وَظَنُّوا أَنَّهُمْ مَانِعَتُهُمْ حُصُونُهُمْ مِنَ اللَّهِ فَأَتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ حَيْثُ لَمْ يَحْتَسِبُوا وَقَذَفَ

فِي قُلُوبِهِمُ الرُّعْبَ يُخْرِبُونَ بُيُوتَهُمْ بِأَيْدِيهِمْ وَأَيْدِي الْمُؤْمِنِينَ فَاعْتَبِرُوا يَا أُولِيَ الْأَبْصَارِ ﴿١﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ

صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ.

### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa diberkati Allah SWT. Khatib ingin mengingatkan sidang jemaah sekalian agar tidak berbual atau tidak bermain telefon ketika khutbah sedang disampaikan kerana ia termasuk dalam perkara yang *lagha* (sia-sia). Disebut dalam Kitab *al-Muktamad Fi Fiqh al-Syafie* berdalilkan dengan hadis dalam Sunan Abi Daud, daripada Ali RA, bahawa beliau mendengar Nabi SAW bersabda:

وَمَنْ لَغَا فَلَيْسَ لَهُ فِي جَمْعَتِهِ تِلْكَ شَيْءٌ

**Maksudnya:** “Dan barangsiapa yang lagha maka dia tidak mendapat bahagiannya daripada Jumaatnya itu”. (Hadis riwayat Abu Daud)

Jadi, berikan tumpuan sebaiknya kepada khutbah yang akan disampaikan. Pada hari ini khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: “**Janji Yang Dimungkiri**”.

Khatib juga ingin mengingatkan sidang Jemaah sekalian agar terus istiqamah mengimarahkan masjid, melaksanakan amar ma’ruf dan nahi munkar serta teguh memelihara silaturrahim. Semoga dengan kukuhnya persaudaraan dan kesatuan umat Islam akan menambahkan lagi kekuatan dan menjemput keberkatan dari Allah SWT. Dalam menghadapi musim tengkujuh ini juga, khatib ingin mengingatkan kepada sidang Jemaah sekalian agar sentiasa bersiap siaga dengan sebarang kemungkinan berlakunya bencana. Sentiasa peka dan cakna terhadap sebarang pengumuman dan amaran yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Mudah-mudahan Allah SWT melindungi dan menjauhkan kita dari sebarang bala bencana.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Bulan Rabiulawal telah melabuhkan tirainya dan kini kita telah memasuki Bulan Rabiulakhir. Bulan Rabiulakhir juga memiliki beberapa catatan sejarah terpenting yang perlu diketahui agar kita mendapat pengajaran dan panduan yang berguna. Antara peristiwa penting yang berlaku dalam Bulan Rabiulakhir ialah turunnya Surah al-Hasyr yang bermaksud ‘pengepungan’ atau ‘pengusiran’. Surah ini menceritakan tentang pengusiran terhadap yahudi Bani Nadhir atas pembelotan yang telah mereka lakukan terhadap Islam serta beberapa peristiwa yang akhirnya mencetuskan Perang Bani Nadhir.

Antara tindakan besar yahudi Bani Nadhir yang telah mencetuskan kepada perang ini ialah cubaan bunuh yahudi Bani Nadhir terhadap Rasulullah SAW pasca Perang Badar. Rancangan orang-orang Yahudi Bani Nadhir untuk membunuh Rasulullah SAW direncanakan ketika Rasulullah SAW berserta beberapa sahabat datang kepada mereka untuk meminta mereka turut menanggung *diyath* dua orang Bani Kilab yang dibunuh oleh

Amru bin Umayyah RA. Mereka berpura-pura menyambut baik kedatangan Rasulullah SAW bersama para sahabat iaitu Abu Bakar RA, Umar bin al-Khattab RA, Ali bin Abi Talib RA dan beberapa sahabat lainnya dan meminta Rasulullah SAW duduk menunggu di tembok rumah mereka bersama sahabat. Namun orang-orang Yahudi Bani Nadhir ini sebenarnya tidak mahu memenuhi permintaan Rasulullah SAW bahkan mereka berniat membunuh Rasulullah SAW.

Sementara itu di suatu tempat lain orang-orang Bani Nadhir ini berkumpul dan merancang membunuh Rasulullah SAW dengan menjatuhkan batu ke kepala Rasulullah SAW. Allah Azza wa Jalla menurunkan wahyu kepada Rasulullah SAW melalui Malaikat Jibril AS memberitahukan tentang rancangan jahat tersebut. Setelah mendapat wahyu itu, Baginda SAW segera bangkit tanpa mengucapkan sepatah kata pun dan pulang ke Madinah bersama para sahabat. Mereka bertanya tentang apa yang menyebabkan Baginda SAW tiba-tiba bangkit dan pulang. Rasulullah SAW kemudian menceritakan niat keji orang-orang yahudi yang hendak membunuhnya.

Maka, Rasulullah mempersiapkan pasukannya dan bersedia mengepung perkampungan Bani Nadhir. Terlebih dahulu Rasulullah SAW telah mengutus sahabatnya untuk menyampaikan keputusan kepada mereka agar meninggalkan perkampungan mereka kerana telah melanggar perjanjian. Namun, mereka berdegil dan menolak keputusan tersebut sehingga Rasulullah SAW memerangi mereka.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Dalam peristiwa ini juga ia telah menyingkap sisi buruk Abdullah bin Ubay yang menghasut Bani Nadhir supaya menentang keputusan Rasulullah SAW tadi. Allah SWT merakamkan sikap kemunafikan Abdullah bin Ubay dalam Surah al-Hasyr ayat 11 yang bermaksud:

*“Tidakkah engkau melihat dan berasa hairan (wahai Muhammad) terhadap sikap orang-orang munafiq itu? Mereka tergamak berkata kepada saudara-saudara mereka yang kafir dari kalangan (kaum Yahudi) ahli Kitab: "Sesungguhnya, kalau kamu dihalau keluar sudah tentu kami akan keluar bersama-sama kamu, dan kami tidak akan tunduk taat kepada sesiapa pun untuk menentang kamu selama-lamanya; dan kalau kamu*

*diperangi, sudah tentu kami akan membela kamu!" Padahal Allah mengetahui dan menyaksikan bahawa sebenarnya mereka adalah pendusta".*

Kedegilan dan penentangan yahudi Bani Nadhir ini menyebabkan Rasulullah SAW mengambil langkah mengisytiharkan perang terhadap Bani Nadhir ini. Ketika ini juga, kaum yahudi Bani Nadhir ini mengetahui bahawa janji pertolongan yang diungkapkan oleh Abdullah bin Ubay itu hanyalah palsu belaka. Inilah sikap munafiq yang Allah SWT gambarkan dalam ayat ke-16 dari Surah al-Hasyr:

كَمَثَلِ الشَّيْطَانِ إِذْ قَالَ لِلْإِنْسَانِ أَكْفُرْ فَلَمَّا كَفَرَ قَالَ إِنِّي بَرِيءٌ مِّنكَ إِنِّي أَخَافُ اللَّهَ رَبَّ

الْعَالَمِينَ ﴿١٦﴾

**Maksudnya:** *"(Sikap kaum munafik dengan kaum Yahudi) itu samalah seperti (sikap) Syaitan ketika dia berkata kepada manusia: "Berlaku kufurlah engkau!" Setelah orang itu berlaku kufur (dan tetap terkena azab), berkatalah Syaitan kepadanya: "Sesungguhnya aku adalah berlepas diri daripadamu, kerana sebenarnya aku takut kepada Allah, Tuhan yang menguasai seluruh alam!"*

Setelah dikepung selama enam hari, barulah yahudi Bani Nadhir ini mengalah dan menyerah untuk keluar dari kawasan tersebut. Rasulullah SAW membenarkan mereka keluar meninggalkan Madinah dengan membawa barang-barang keperluan melainkan senjata.

#### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Begitulah secara ringkas kisah Perang Bani Nadhir yang bermula dengan cubaan bunuh terhadap Rasulullah SAW yang dirancang oleh yahudi Bani Nadhir sebagaimana diceritakan dalam Surah al-Hasyr. Jika ditelusuri kisahnya, ia bermula disebabkan oleh janji yang telah dimungkiri oleh yahudi Bani Nadhir dan sememangnya sikap melanggar janji ini sudah sebatik dalam diri kaum yahudi sehingga ke hari ini. Selain itu, beberapa pengajaran lain dapat khatib ringkaskan buat renungan kita bersama;

**Pertama:** Pemberitahuan Allah SWT kepada Rasulullah SAW tentang rancangan yahudi Bani Nadhir untuk membunuh baginda merupakan bukti bahawa Baginda SAW benar-benar seorang nabi dan rasul.

**Kedua:** Perlunya menghargai, menjaga dan menepati sebarang perjanjian yang sudah disepakati walaupun perjanjian dengan musuh.

**Ketiga:** Melanggar perjanjian yang sudah disepakati memberikan akibat yang sangat buruk bahkan boleh mencetuskan permusuhan atau peperangan.

**Keempat:** Mengingkari janji merupakan perangai yahudi sehinggalah ke hari ini sebagaimana yang banyak dirakam dalam al-Quran.

**Kelima:** Kaum munafiq disebutkan sikapnya sebagai pihak yang sering melaga-lagakan antara satu sama lain. Perkataannya juga tidak boleh diterima pakai kerana penuh pendustaan, apabila berjanji dia akan memungkirinya, dan apabila diberi amanah dia akan mengkhianatinya. Maka jauhilah sikap sebegini yang bukan hanya membinasakan diri sendiri bahkan mencetuskan huru-hara yang dahsyat kepada seluruh masyarakat.

Justeru, mimbar hari ini ingin mengajak kepada para jemaah sekalian untuk sama-sama kita kotakan setiap janji, menjauhi perkataan-perkataan dusta, menunaikan setiap Amanah dan tidak melaga-lagakan antara satu sama lain bagi menjauhkan kita ini daripada sifat-sifat munafiq seperti yang berlaku pada zaman Rasulullah SAW. Jangan kerana janji yang dimungkiri, kita dihumban ke dalam neraka Jahannam yang tidak terperi sakitnya.

Renungkanlah firman Allah SWT dalam ayat ke-18 Surah al-Hasyr:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا

تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾

**Maksudnya:** *“Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya); dan hendaklah tiap-tiap*

diri melihat dan memerhatikan apa yang dia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat). Dan (sekali lagi diingatkan): Bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Amat Meliputi Pengetahuan-Nya akan segala yang kamu kerjakan”.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعِنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ  
 وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.  
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ فَقَدْ فَازَ  
 الْمُتَّقُونَ.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,**

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa supaya kita mendapat keredhaan-Nya. Khatib juga ingin menyeru kepada seluruh umat Islam di negara ini supaya kekal bersatu padu atas dasar Islam. Sesungguhnya persaudaraan Islam itu sangat mahal harganya. Hentikanlah segala percakaran dan tinggalkanlah segala perselisihan kerana ia hanya merugikan agama, bangsa dan negara. Walau apa jua perbezaan yang ada, Islam menuntut kepada kesatuan ummah dan bukan alasan untuk saling bermusuhan.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyakkan berselawat ke atas kekasih kita, Nabi Muhammad SAW sebagaimana perintah Allah SWT dalam Surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا  
 تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى  
 آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
 إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.  
 وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي  
 التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.



اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ .  
 اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ  
 مَا مَوْلِيَا سِرِّي قُدُوكَ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ ائْخُوغْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ  
 الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ .  
 وَكَذَلِكَ كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سِرِّي قُدُوكَ بَكِينِدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي ائْخُوغْ،  
 تُونُوكُو حَاجِهِ عَزِيزِهِ أَمِينِهِ مِيمُونِهِ إِسْكَندَرِيهِ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانَ  
 إِسْكَندَرَ الْحَاجِ .

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقَضَاتَهُ وَعَمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ  
 يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .  
 اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رَخَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،  
 وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ .  
 اللَّهُمَّ اعْرِضْ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ ،  
 وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .  
 اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفِتْنَ ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا  
 وَمَا بَطَنَ ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً ، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً ، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ  
 قَدِيرٌ . اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ ، وَالْجُنُونِ ، وَالْجُدَامِ ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ ، يَا  
 أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah dan sering lalai, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Tiada daya dan upaya kami melainkan hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan serta perpecahan yang berpanjangan. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعْظُمُ لِعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكْرُكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ

وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.